

PEMBELAJARAN KOSA KATA ARAB MELALUI SIMULASI AKTIVITI MEMASAK

Salamiah Ab.Ghani, Maheram Ahmad, Al Muslim Mustapa @
Ab.Rahim Nur Syazwina Mustapa, Zuraida Shaadon

ABSTRAK

Penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar masih kurang memuaskan. Kekurangan dan kelemahan itu perlu diatasi agar pelajar boleh menguasai kosa kata dan seterusnya dapat bertutur dengan baik. Kajian ini dilakukan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata Arab, meningkatkan kemampuan pelajar dalam memilih kosa kata yang sesuai dan tepat, dan meningkatkan kemahiran bertutur mereka menerusi simulasi aktiviti memasak. Aktiviti memasak ini merupakan strategi pengajaran yang berpusatkan pelajar yang memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar untuk meneroka kemahiran bahasa. Untuk mendapatkan data kajian, ujian pra, temu bual dan juga rakaman dilaksanakan. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 13 orang pelajar tahun dua, Program Fiqh Kontemporari, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bersikap positif terhadap aktiviti memasak dan aktiviti ini dapat memperkasa penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan mereka.

Katakunci: Kosa kata; Arab; Simulasi; Aktiviti; memasak

LEARNIG ARABIC VOCABULARY THROUGH COOKING ACTIVITIES

ABSTRACT

The utilization of Arabic vocabulary amongst the students is still considered less satisfying. These problems should be addressed so that the students could master the vocabulary hence being able to speak fluently in Arabic. This research is conducted to improve the utilization of Arabic vocabulary, the ability of the students to choose the right and proper words while increasing their ability to converse in Arabic through the simulation of cooking activities. It is expected that the students are able to explore the language skill with the opportunity provided via this cooking activity, which is a method of student-centered-learning. To obtain the data from the study, pre-tests, interview sessions, and recordings will be conducted. Respondents that are involved in this study are 13 second-year students from program

Fiqh Kontemporari, Fakulti Pengajian Islam, UKM. The results have shown that students are giving positive feedbacks toward the cooking activity, besides improving their Arabic vocabulary.

Keywords: *Vocabulary; Arab; Simulation; Activities; cooking*

PENDAHULUAN

Pelbagai usaha dilakukan untuk membantu pelajar menguasai kosakata bahasa Arab yang boleh membantu mereka meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa tersebut, namun hasilnya tidak begitu memuaskan. Hasil daripada pengalaman mengajar subjek Bahasa Arab semenjak dua puluh tahun yang lalu, didapati tahap penguasaan kosakata pelajar dan kemahiran mereka bertutur dalam bahasa Arab berada di tahap yang kurang memuaskan.

Para pelajar masuk ke Fakulti Pengajian Islam, UKM dengan pelbagai kelayakan. Ada yang memasuki Fakulti Pengajian Islam dengan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Ada juga yang memiliki sijil Diploma dan ada juga yang menggunakan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Dengan kelayakan yang berbeza ini, sudah pasti mereka mempunyai latar belakang dan pengalaman pembelajaran bahasa Arab yang berbeza juga. Oleh itu, tahap pencapaian mereka juga berbeza. Namun perbezaan penguasaan bahasa Arab antara mereka tidak begitu ketara. Walau bagaimanapun, penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Islam perlu dipertingkatkan.

Kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab berpunca daripada pelbagai aspek. Antaranya, Ab. Halim (2009) mendapati bahawa para pelajar kurang mempraktik kemahiran bertutur dalam bahasa Arab di dalam dan luar kelas setelah memasuki institusi pengajian tinggi. Ashinida (2012), menyatakan bahawa kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah disebabkan mereka kurang bertutur dalam bahasa tersebut. Kemahiran bertutur berkait rapat dengan penguasaan kosakata. Kelemahan dalam menguasai kosakata adalah punca kegagalan pelajar bertutur dalam bahasa Arab. Nadwah (2014) mengatakan bahawa antara permasalahan utama yang dihadapi oleh pelajar semasa melaksanakan tugas, seterusnya menjadi kekangan utama kepada penguasaan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dengan baik ialah kosakata yang terhad.

Sorotan Kajian Lepas

Begitu ramai para sarjana menjalankan kajian yang berkaitan dengan masalah penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau sekolah menjadi tajuk perbincangan antara mereka.

Pelbagai kajian dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti punca kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ab. Halim Mohamad (2009) mendapati bahawa penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar kurang memuaskan. Masalah yang paling ketara yang dihadapi oleh pelajar ialah kelemahan dalam menguasai kemahiran bertutur. Mastura (2012) menyatakan bahawa sebahagian besar pelajar IPT khususnya dalam aliran pendidikan Islam masih belum mampu menguasai kemahiran bertutur walaupun telah mendapat pendedahan yang luas dalam bahasa Arab sejak berada di sekolah menengah lagi masih berada di tahap yang rendah.

Kelemahan pelajar bertutur dalam bahasa Arab disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya adalah kerana mereka tidak didedahkan dengan pelbagai strategi pembelajaran. Ashinida (2003) mengatakan bahawa penggunaan strategi telah meningkatkan kebolehan pelajar, keyakinan diri, minat dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Arab. Nik Rahimi (2005) juga menyokong pandangan tersebut. Beliau mengatakan bahawa faktor yang membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan baik adalah melalui strategi pembelajaran berkesan. Sueraya et.al (2010) menyatakan bahawa kelemahan pelajar adalah disebabkan oleh kurangnya kesedaran pelajar tentang strategi pembelajaran bahasa Arab, sebaliknya pelajar yang didedahkan dengan pelbagai strategi mampu meningkatkan kemahiran bahasa.

Selain itu, kelemahan dalam bertutur bahasa Arab adalah berpunca daripada sikap pelajar sendiri. Ab. Halim Mohamad (2009) mendapati bahawa kejayaan kemahiran bertutur bergantung kepada pelajar yang mengambil bahagian sepenuhnya. Kebanyakan pelajar yang tidak mengambil bahagian disebabkan oleh perasaan takut melakukan kesalahan, merasa bodoh apabila berhadapan dengan kawan-kawan yang pandai, malu diejek dan dipersendakan serta takut memulakan percakapan. Sebahagian pelajar merasakan bahasa Arab tidak begitu penting bagi mereka. Ghazali Yusri (2010) mendapati bahawa sebahagian pelajar memandang kursus bahasa Arab sebagai tidak penting. Asep Muhammad Saepul Islam (2015) berpandangan bahawa

40 | Pembelajaran Kosakata Arab Melalui Simulasi Aktivitas Memasak

faktor internal punca demotivasi lebih banyak bersumber daripada kemampuan dasar siswa dan pengalaman belajar sebelumnya dan juga sikap negatif siswa terhadap bahasa Arab.

Selain itu, kelemahan pelajar dalam menguasai kosakata Arab juga merupakan punca kegagalan mereka menguasai kemahiran bertutur. Mat Taib (2008) mengatakan bahawa kelemahan yang ketara terletak pada perbendaharaan kata, morfologi, nahu (sintaksis) dan gaya bahasa (uslub). Rosni Samah (2009), juga membuat kenyataan yang sama. Beliau mendapati bahawa kelemahan pelajar dalam penguasaan kosakata Arab memberi kesan negatif kepada pelajar dalam usaha menguasai bahasa Arab. Azman Che Mat (2010) pula mendapati bahawa tahap penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar belum mencapai tahap yang memuaskan.

Permasalahan Kajian

Kosakata Arab amat penting untuk membolehkan pelajar bertutur dalam bahasa Arab. Ketidakupayaan mereka menguasai kosakata ini menyebabkan mereka tidak mampu bertutur dalam bahasa ini dengan baik. Kemahiran bertutur bahasa Arab amat penting bagi setiap pelajar pengajian Islam, terutamanya para pelajar Fakulti Pengajian Islam, UKM. Kemampuan pelajar bertutur mencerminkan penguasaan mereka terhadap kosakata. Selain itu, kemampuan pelajar bertutur dalam bahasa Arab dapat melancarkan proses berkomunikasi. Ku Fathiyah (2014), mengatakan bahawa keupayaan menuturkan sesuatu bahasa itu dapat mempercepatkan pemahaman pelajar, terutama yang berkaitan dengan komunikasi interpersonal.

Pelbagai masalah dikenal pasti dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, namun yang ingin diketengahkan di sini ialah masalah penguasaan kosakata. Sebahagian pelajar tidak menguasai kosakata Arab yang mencukupi untuk bertutur dalam bahasa Arab dengan baik. Selain itu, pemilihan kosakata yang tidak tepat dan sesuai juga menjadi punca kegagalan pelajar bertutur dalam bahasa Arab dengan baik. Walaupun pelbagai cara dan teknik telah dilaksanakan untuk meningkatkan kemampuan mereka dalam bertutur, namun hasilnya masih tidak juga memuaskan. Dengan itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk memperbaiki kelemahan dan meningkatkan penguasaan kosakata Arab dalam kalangan pelajar seterusnya meningkatkan kemampuan mereka bertutur dalam bahasa Arab.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kosakata Arab menerusi simulasi aktiviti memasak, meningkatkan kemampuan pelajar untuk memilih kosakata yang sesuai dan tepat, dan untuk meningkatkan kemahiran bertutur ketika menjalankan aktiviti memasak.

Responden Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar tahun dua, semester I sesi pengajian 2018/2019. Pelajar-pelajar ini adalah pelajar-pelajar dari Pusat Fiqh Kontemporari, Fakulti Pengajian Islam UKM. Seramai tiga belas orang pelajar dijadikan sebagai responden kajian. Terdapat tiga pelajar perempuan dan sepuluh pelajar lelaki. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar yang mengambil kursus PPPY1132 (*al-Maharah al-Kitabah*).

Refleksi Awal

Tinjauan awal dilakukan ke atas responden ketika proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, didapati bahawa pelajar-pelajar menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam bahasa Arab. Masalah ini berpunca daripada kelemahan mereka dalam menguasai kosakata Arab. Selain itu, pemilihan kosakata yang tidak tepat juga merupakan faktor penyumbang kepada kelemahan bertutur bahasa Arab dalam kalangan mereka. Kaedah kajian yang dijalankan adalah secara kualitatif dan menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian, ujian pra, temu bual dan rakaman video. Ujian pra dan temu bual dilakukan sebelum intervensi pengajaran berlaku, manakala rakaman video dilakukan selepas intervensi pengajaran berlaku.

Analisis Data

Terdapat tiga refleksi dalam kajian ini. Refleksi pertama, menilai tahap penguasaan pelajar terhadap 25 kosakata yang berkaitan dengan peralatan memasak. Refleksi kedua, menilai tahap penguasaan pelajar terhadap 25 kosakata yang berkaitan dengan bahan untuk memasak dan refleksi ketiga, menilai tahap penguasaan pelajar terhadap 25 kata kerja yang diguna ketika menjalankan aktiviti memasak. Jadi, jumlah keseluruhan perkataan yang dinilai adalah sebanyak 75 perkataan. Senarai kosakata ini boleh dilihat dalam Jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1: Senarai Kosakata Yang Berkait Dengan Aktiviti Memasak

Kosakata (Peralatan dalam bahasa Arab)	Kosakata (Bahan untuk memasak dalam Bahasa Arab)	Kosakata (Cara memasak dalam Bahasa Arab)
قَدْر	بَصَل	صَنَع
مِقْص	ثُوم	شَجَّن
سِكِّين	زَيْت	أَدْجَل
كُوب	لَحْم البقر	حَرَكَ / قَلَب
كَأْس	دَجَاجَة	غَلِيَان
صَحْن	سَمَك	أَقْطَع
مِلْعَقَة تَقْلِيْب	فَوَاكِه	قَتَبِر
مِغْرَفَة	مِجِي مِغْغَب	إِغْسِل
غِطَاء	قِرْفَة	صَفَب
شَوْكَة	فُلْفُل أَسْوَد	حَمَّر
مِلْعَقَة	بَحْرَات	أَضَف
موقِد النار	فُلْفُل	سَبَّ / كَب
خَلَاطَة	طَمَاطِم	صَعَّر / بَطِيَّ
مِصْفَاة	بِقْدُونِيْس / كُسْبِرَة	أَثْرَكَ
فَتَّاحَة العَلْبَة	خِيَار	عَطَّ
مِلْقَط الطَّهْي	لَيْمُون	تَقْدِيْم
خَفَاقَة	كِرْنَوَل	تَقْلِيْب
قَسَّار	هَيْل	تَمْتَرَج
مِقْلَاة	سُكَّر	أَقْطَع .. مِغْغَبَا
مِئْبِرَة	لَيْمُون	ذَوْقُوا
صَبِيْبَة	بَطَا طِيْس	أَدْجَل / أَضَف
إِنَاء / وعاء	بَامِيَة	إِنْتِظِر
لَوْح تَقْطِيع	حَزْر	شَعَلْ مَوْقِد عَاز
غَلَايَة	خَس	إِطْفَأ النار
وَرَقَة مُنْدِيل	سَمْنَة	جَاهِزَة لِتَنَازُل

Untuk mengenal pasti kemampuan penguasaan kosakata mereka, ujian bertulis diadakan. Ujian bertulis ini dilakukan sebelum intervensi pengajaran dilaksanakan. Dalam ujian bertulis itu, responden diminta menulis makna dalam bahasa Melayu bagi 75 kosakata Arab tersebut. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan adalah 45 minit. Hasil daripada ujian bertulis yang telah dijalankan, didapati bahawa pelajar hanya mengetahui beberapa perkataan daripada 75 perkataan yang telah disenaraikan. Berdasarkan refleksi pertama, daripada 25 perkataan Arab yang disenaraikan, hanya 6 perkataan yang diketahui maknanya oleh responden dan mencatat peratusan 24%. Perkataan-perkataan itu ialah سكين , كوب , كأس , صحن , شوكة dan ملعقة , manakala

43 | Pembelajaran Kosakata Arab Melalui Simulasi Aktiviti Memasak

sebanyak 19 kosakata lagi tidak diketahui oleh responden dan mencatat peratusan 76%. Hasil ujian pra adalah seperti dalam Jadual 1.2 di bawah:

Jadual 1.2: Analisis pengetahuan responden terhadap peralatan memasak

Item	Tahu		Tidak tahu		Jumlah kekerapan	Peratus
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus		
قَدْر	0	0%	13	100%	13	100%
مِقْص	0	0%	13	100%	13	100%
سِكِّين	2	16. %	11	84. %	13	100%
كُوب	3	23%	10	77%	13	100%
كَّاس	4	31%	9	69%	13	100%
صَحْن	2	15%	11	85%	13	100%
مِلْعَقَة تَقْلِيْب	0	0%	13	100%	13	100%
مِعْرَفَة	0	0%	13	100%	13	100%
عِطَاء	0	0%	13	100%	13	100%
شَوْكَة	3	23%	10	77%	13	100%
مِلْعَقَة	3	23%	10	77%	13	100%
موقد النار	0	0%	13	100%	13	100%
خَلَاطَة	0	0%	13	100%	13	100%
مصفاة	0	0%	13	100%	13	100%
فَتَّاحَة العُلْبَة	0	0%	13	100%	13	100%
مِلْفَط الطَّهْي	0	0%	13	100%	13	100%
خَفَّاقَة	0	0%	13	100%	13	100%
قَشَّار	0	0%	13	100%	13	100%
مقلاة	0	0%	13	100%	13	100%
مِبْسِرَة	0	0%	13	100%	13	100%
صِنِّيَّة	0	0%	13	100%	13	100%
إِنَاء / وعاء	0	0%	13	100%	13	100%
لوح تقطيع	0	0%	13	100%	13	100%
غَالِيَة	0	0%	13	100%	13	100%
ورقة مُنْدِيل	0	0%	13	100%	13	100%

Beralih kepada refleksi kedua pula, iaitu pengetahuan responden terhadap kosakata yang berkaitan dengan bahan-bahan yang dimasak, didapati bahawa daripada 25 perkataan Arab yang berkaitan dengan bahan-bahan itu, hanya 13 perkataan sahaja yang diketahui oleh responden dan mencatat peratusan 52%. Perkataan tersebut ialah, بِصَل

44 | Pembelajaran Kosakata Arab Melalui Simulasi Aktiviti Memasak

, جَزَّر , بطا طيس , سُكَّر , خِيَار , طماطم , فُلُول , فَوَاكِه , سَمَك , لَحْم دَجَاجَة , لَحْم البَقَر , سَمْنَة , dan مَلَح , manakala sebanyak 12 perkataan lagi tidak diketahui oleh responden dan mencatat peratusan 48%. Hasil ujian pra tersebut adalah seperti dalam Jadual 1.3 di bawah:

Jadual 1.3: Analisis pengetahuan responden terhadap bahan-bahan untuk dimasak

Item	Tahu		Tidak tahu		Jumlah kekerapan	Peratus
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus		
بَصَل	2	15%	11	85%	13	100%
ثُوم	0	0%	13	100%	13	100 %
زَيْت	0	0%	13	100%	13	100%
لَحْم البَقَر	12	92%	1	7%	13	100 %
لَحْم دَجَاجَة	10	77%	3	23%	13	100%
سَمَك	13	100%	0	0%	13	100 %
فَوَاكِه	11	84%	2	16%	13	100%
مِيجِي مُكَّعَب	0	0%	13	100%	13	100%
فِرْفَة	0	0%	13	100%	13	100%
فُلُول أَسْوَد	0	0%	13	100%	13	100%
بَحَرَات	0	0%	13	100%	13	100%
فُلُول	2	15%	11	85%	13	100%
طماطم	8	61%	4	29%	13	100%
بِقْدُونِس / كُسْبِرَة	0	0%	13	100%	13	100%
خِيَار	6	46%	7	34%	13	100 %
لَيْمُون	0	0%	13	100%	13	100%
كِرْنَفُول	0	0%	13	100%	13	100%
هَيْل	0	0%	13	100%	13	100%
سُكَّر	2	15%	11	85%	13	100%
لَيْمُون	0	0%	13	100%	13	100%
بَطَا طِيس	4	31%	9	69%	13	100%
بَامِيَة	0	0%	13	100%	13	100%
جَزَّر	1	8%	12	92%	13	100 %
خَس	0	0%	13	100%	13	100%
سَمْنَة	2	15%	11	85%	13	100%
مَلَح	12	92%	1	8%	13	100 %

Sementara itu, hasil ujian refleksi ketiga menunjukkan bahawa daripada 25 perkataan Arab yang berkaitan dengan perkataan atau kata

45 | Pembelajaran Kosakata Arab Melalui Simulasi Aktiviti Memasak

kerja yang digunakan ketika menjalankan aktiviti memasak, hanya 9 perkataan yang diketahui oleh responden dan mencatat peratusan 36%. Perkataan-perkataan tersebut ialah ضَع , أَدْخَلَ , إقْطَع , اغْسِل , زد , أتْرِك , تغْلِيْب , تَنْتَظِر dan شَعَلْ مَوْقِدَ غَاز , manakala sebanyak 16 perkataan tidak diketahui oleh responden dan mencatat peratusan 64%. Hasil ujian pra dapat dilihat dalam Jadual 1.4 di bawah:

Jadual 1.4: Analisis pengetahuan responden terhadap kosakata dalam aktiviti memasak

Item	Tahu		Tidak tahu		Jumlah kekerapan	Peratus
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus		
ضَع	4	31 %	9	69%	13	100%
سَخَن	0	0%	13	100%	13	100%
أَدْخَلَ	6	46%	7	54%	13	100%
حَرَكَ / قَلَب	0	0%	13	100%	13	100%
غَلِيَان	0	0%	13	100%	13	100%
إقْطَع	7	54%	6	46%	13	100%
قَسَبِر	0	0%	13	100%	13	100%
إغْسِل	4	31%	9	69%	13	100%
صَفَّ	0	0%	13	100%	13	100%
حَمَّر	0	0%	13	100%	13	100%
أَضِفَّ	0	0%	13	100%	13	100%
سَبَّ / كَب	0	0%	13	100%	13	100%
زد	7	54%	6	46%	13	100%
أتْرِك	4	31%	9	69%	13	100%
غَطَّ	0	0%	13	100%	13	100%
تقديم	0	0%	13	100%	13	100%
تغْلِيْب	1	8%	12	82%	13	100%
تمنرج	0	0%	13	100%	13	100%
اقطع .. مَكْعَبَا	0	0%	13	100%	13	100%
دَوْقُوا	0	0%	13	100%	13	100%
أَدْخَلَ / أَضِف	0	0%	13	100%	13	100%
إنتَظِر	6	46%	7	54%	13	100%
شَعَلْ مَوْقِدَ غَاز	1	8%	12	82%	13	100%
إطفا النار	0	0%	13	100%	13	100%
جاهزة لتناول	0	0%	13	100%	13	100%
ضَع	0	0%	13	100%	13	100%

Temubual

Kaedah temu bual dijalankan ke atas kumpulan sasaran secara tidak formal. Tiga orang pelajar dipilih sebagai sampel untuk temu bual dan di rekod untuk dinilai. Tujuan temu bual ini dijalankan adalah untuk mengetahui lebih mendalam tentang penguasaan kosakata Arab dan masalah-masalah yang dihadapi oleh responden.

Hasil daripada temu bual pula, didapati bahawa responden pernah belajar tentang kosakata yang berkaitan dengan peralatan memasak, bahan-bahan untuk memasak dan kata kerja yang digunakan ketika menjalankan aktiviti memasak semasa di sekolah menengah. Namun kosakata yang dipelajari adalah sedikit sahaja dan tidak menyeluruh. Ada antara mereka pernah menjalankan aktiviti memasak secara lakonan ketika berada di sekolah menengah dahulu. Walau bagaimanapun mereka telah lupa kebanyakan kosakata yang pernah dipelajari. Faktor yang menyebabkan mereka lupa ialah kerana kosakata Arab tersebut tidak digunakan dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana budaya dan persekitaran yang ada tidak membantu ke arah penggunaan bahasa Arab dalam aktiviti seharian.

Simulasi Aktiviti Memasak

Sebelum aktiviti memasak dijalankan, responden diberi senarai kosakata Arab yang berkaitan dengan aktiviti memasak dan disertakan dengan terjemahan seperti yang terdapat dalam Jadual 1.5. Responden diminta untuk mengingat dan memahami makna kosakata Arab yang tersenarai. Kemudian mereka diminta untuk menjalankan aktiviti memasak secara spontan. Senarai kosakata tersebut boleh dilihat dalam Jadual 1.5 di bawah:

Jadual 1.5: Kosakata Arab yang berkaitan dengan aktiviti memasak

Terjemahan dalam BM	Kosa Kata BA	Terjemahan dalam BM	Kosa Kata BA	Terjemahan dalam BM	Kosa Kata BA
periuk	قَدْر	bawang besar	بَصَل	letakkan	ضَع
gunting	مَقَص	bawang putih	ثُوم	panaskan	شَخِن
pisau	سِكِّين	minyak	زَيْت	masukkan	أَدْخَلَ
cawan	كُوب	daging lembu	لَحْم البقر	kacau	حَرَك / قَلَب
gelas	كَأْس	daging ayam	دَجَاجَة	mendidih	عَلَّيَان
pinggan	صَحْن	ikan	سَمَك	potong	إَقْطَع
sudip	مَلْعَقَة تَقْلِيْب	buah-buahan	فَوَاكِه	kupas	قَشَّر

47 | Pembelajaran Kosakata Arab Melalui Simulasi Aktiviti Memasak

senduk	مِعْرَفَةٌ	kiub maggi	مِجِي مُكْعَب	basuh	إِغْسِيل
penutup periuk	غَطَاء	kulit kayu manis	فِرْفَة	toskan	صَفَب
garpu	شَوْكَةٌ	lada hitam	فَلْفَلِ أَسْوَد	tumis	حَمَّر
sudu	مِلْعَقَةٌ	rempah ratus	بَحْرَات	tambah	أَضَفَ
dapur	مَوْقِدِ النَّارِ	cili padi	فَلْفَلِ	tuang	سَبَّ/كَبَّ
pengisar	خَلَاطَةٌ	tomato	طَمَاظِم	perlahankan	صَوَّرَ
penapis	مَصْفَاة	daun ketumbar	بِقْدُونِيسَ / كُسْبِرَةَ	tinggalkan	أَثْرَكَ
pembuka tin	فَتَّاحَةُ الْعَلْبَةِ	timun	خِيَار	tutup	عَطَى
penyepit	مِلْقَطُ الطَّهْيِ	limau nipis	لَيْمُون	hidang	تَقْدِيم
pemukul telur	خَفَّاقَةٌ	bunga cengkeh	كَرَنفُول	gaul	تَقْلِيْب
alat mengupas	قَسَّار	buah pelaga	هَيْبِل	bergaul	تَمْتَرَج
kuali	مِقْلَاة	gula pasir	سُكَّر	potong dadu	اِقْطَعْ.. مُكْعَبَا
alat pamarut	مِبْشِرَةٌ	limau nipis	لَيْمُون	cuba rasa	ذُوقُوا
dulang	صَيْبِيَّةٌ	kentang	بَطَا طِس	masukkan	أَدْخِلْ / أَضَفَ
besen/bekas	إِنَاءٌ / وَعَاءٌ	bendi	بَامِيَّة	tunggu	إِنْتَظِرْ
papan pemotong	لُوحُ تَقْطِيعِ	lobak merah	جَزَّر	buka gas	شَعَلْ مَوْقِدَ غَاز
pengukus	غَلَّيَّة	daun salad	خَس	tutup gas	إِطْفَأِ النَّارَ
tisu	وَرَقَةٌ مَنْدُ يَل	minyak sapi	سَمَنَةٌ	sedia dimakan	جَاهِزَةٌ لِنَتَاوَل

Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, didapati bahawa penguasaan kosakata Arab dalam kalangan kumpulan sasaran bertambah baik berbanding dengan penguasaan mereka sebelum intervensi pengajaran dilaksanakan.

Berdasarkan rakaman video yang dihasilkan, ada peningkatan dari aspek penggunaan kosakata Arab. Responden menggunakan perkataan-perkataan Arab yang baru dipelajari, sama ada kosakata yang berkaitan dengan peralatan memasak, bahan-bahan untuk dimasak dan kata kerja yang digunakan ketika aktiviti memasak. Dalam ujian bertulis, tidak ada pelajar yang tahu makna perkataan-perkataan seperti: جاهزة لتناول، أدخل، إقطع على شكل مربعات، ليمون، بقدونيس، إناء/ وعاء، تمتزج، خلطة. Setelah aktiviti memasak dilaksanakan dan dirakam, didapati mereka berjaya menggunakan perkataan-perkataan ini dengan baik.

Selepas berlaku sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, setelah para responden diberikan senarai perkataan seperti dalam Jadual 1.5 tadi, didapati bahawa tahap penguasaan kosakata mereka menjadi bertambah baik. Dan setelah menonton video masakan, didapati bahawa rakaman itu berjaya membantu mereka menyebut perkataan dengan intonasi suara yang betul dan jelas. Rakaman video ketika pelajar melakukan aktiviti memasak pula menunjukkan bahawa mereka boleh menggunakan kosakata yang pada awalnya mereka tidak tahu maknanya.

Walau bagaimanapun, masih ada kekurangan dan kelemahan dari sudut kefasihan sebutan dan kelancaran. Begitu juga dari sudut intonasi suara, perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Kesimpulannya simulasi aktiviti memasak boleh meningkatkan penguasaan kosakata Arab dalam kalangan pelajar.

Kesimpulan

Pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan dengan pelbagai cara untuk membantu meningkatkan kemahiran para pelajar, sama ada kemahiran menulis mahupun bertutur, yang kedua-dua kemahiran ini memerlukan penguasaan kosakata yang banyak atau sesuai dengan topik yang dibincangkan. Salah satu cara pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilakukan ialah simulasi aktiviti memasak. Aktiviti ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pelajar dapat meningkatkan jumlah kosakata Arab melalui simulasi aktiviti memasak. Hal ini menunjukkan bahawa berlaku peningkatan positif bagi tahap penguasaan pelajar terhadap kosakata Arab melalui aktiviti ini.

Rujukan

- Ab.Halim Mohamad. 2009. Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1(1), 1-14.
- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. 2012. Pengajaran dan pembelajaran bahasa arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012, p15-33.
- Ashinida Aladdin. 2012. Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi Dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies* 12(2), 645-666.

49 | Pembelajaran Kosa Kata Arab Melalui Simulasi Aktiviti Memasak

- Azman Che Mat, Goh Ying Soon. 2010. Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi: perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis, AJTLHE Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
- Ghazali Yusri, Nik Mohd. Rahimi & Parilah M.Shah. 2010. Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) *Gema online Journal of Arabic Studies*. 10(3), 15-33.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman & Hairun Najuwah Jamali. 2014. Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*. Vol 1 No 2.
- Nadwah Daud. (2014). Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 117 Volume 14(1), February
- Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. 2005. Penilaian Kemahiran Mendengar Dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mat Taib Pa. 2008. Isu-isu Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, FPI UKM.
- Rosni Samah. 2009. Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sueraya Che Haron et.al. 2010. Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM). *Contemporary Issues in Education Research*; Aug 2010; ProQuest Education Journals
- Zawawi Ismail Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Ala-Uddin Othman. 2011. Teknik pengajaran Kemahir-an Bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA: Online*.

Salamiah Ab. Ghani

Dr. Maheram Ahmad

Dr. Al Muslim Mustapa @ Ab. Rahim

Nur Syazwina Mustapa

Zuraida Shaadon

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor

E-mail: salma@ukm.edu.my

E-mail: maheram@ukm.edu.my

E-mail: almuslim@ukm.edu.my

E-mail: syazwina@ukm.edu.my

E-mail: zuraida@ukm.edu.my